

UG 13/16

KURSUS PERSEMPADANAN MARITIM

23 – 26 OGOS 2016



PKPU / PP	Tuan Haji Norhisam Othman Encik Mohd Abduh Jailani	
KUMP.SASAR	GRED 17 HINGGA 48	
BIL. PESERTA	25 ORANG (SASARAN)	14 ORANG (HADIR)
PECAHAN PESERTA PECAHAN GRED <ul style="list-style-type: none"> • Z24 – 1 ORANG • M52 – 1 ORANG • M48 – 1 ORANG • J48 – 1 ORANG • DM 45 – 1 ORANG • J41 – 2 ORQNG • M41 – 1ORANG • JA38 – 3 ORANG • NT27 – 1 ORANG • PENYELIDIK – 2 ORANG 	a. JUPEM <ul style="list-style-type: none"> i. JUPEM KEDAH – 1 ii. TOPOGRAFI SARAWAK – 1 iii. JUPEM NEGERI SEMBILAN -1 b. LAIN-LAIN JABATAN <ul style="list-style-type: none"> i. INSTUN – 1 ii. UPSI – 1 iii. UTM – 2 iv. UiTM -1 v. JKPTG – 3 vi. UNIT UKUR JKR -1 vii. PEJABAT TANAH DAN DAERAH PETALING -1 viii. KEMENTERIAN PERTAHANAN - 1 	
	Ulasan PKPU: <ol style="list-style-type: none"> 1. Penceramah dari BEP,JUPEM dijemput yang berkaitan dengan Sempadan Antarabangsa & Negeri serta kaedah penentuan sempadan. Dan seorang penceramah dari MKN berkaitan isu semasa. 2. Komen peserta masa latihamal yang tidak mencukupi dan secara keseluruhan adalah baik dan kursus ini patut diteruskan. 3. Masa lawatan yang singkat 1 hari di lapangan di atas kapal APMM menyebabkan peserta tidak dapat melawat ke lokasi sebenar sempadan Antarabangsa Pulau Jarak. Namun Peserta telah di bawa merasai pelayaran mengelilingi Pulau Pangkor. 	

**ULASAN PKPU /
PENILAIAN
PESERTA**

Penilaian Peserta:

1. Menyediakan amali bagi penentuan garis sempadan
2. Menyentuh lebih terperinci mengenai Akta Pelantar Benua 1966.
3. Salinan nota (boleh diguna pakai untuk semua org/bukan yang sulit) yang amatlah diperlukan bagi membolehkan peserta kursus mengulang-kaji pada bila-bila masa
4. Satu kursus yang baik kerana merupakan satu platform perkongsian mengenai fungsi dan peranan agensi yang berkaitan maritim yang dapat diperolehi dan difahami
5. Kursus yang baik kerana dapat mengetahui isu-isu persempadanan yang sebenar berbanding pembacaan sendiri
6. Segalanya telah dilakukan dengan sangat baik. Syabas diucapkan kepada semua tenaga pengajar.
7. Peserta perlu dimaklumkan lebih awal berhubung lawatan ke APMM yang melibatkan aktiviti menaiki kapal bagi memastikan peserta dapat bersedia dengan pakaian/kelengkapan yang bersesuaian.
8. Menu sarapan pagi perlu lebih bersesuaian dengan keperluan peserta. Mungkin menu seperti mee dengan kuah kicap boleh digugurkan daripada pilihan menu sarapan pagi.
9. Peserta perlu dimaklumkan lebih awal berhubung lawatan ke APMM yang melibatkan aktiviti menaiki kapal bagi memastikan peserta dapat bersedia dengan pakaian/kelengkapan yang bersesuaian.
10. Menu sarapan pagi perlu lebih bersesuaian dengan keperluan peserta. Mungkin menu seperti mee dengan kuah kicap boleh digugurkan daripada pilihan menu sarapan pagi.
11. Kursus yang baik .banyak memberikan ilmu pengetahuan tentang sempadan maritim Antarabangsa.Banyak nota yang terhad dan tidak dapat dibawa balik untuk tujuan membaca .
12. Satu kursus yang baik untuk agensi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan persempadanan maritim. Pendedahan ini memberi ruang kepada peserta untuk memahami mengapa mereka perlu melaksanakan undang-undang tersebut.
13. Cuba elakkan pertindihan perkara-perkara yang disampaikan di antara seorang penceramah dengan penceramah yang lain. Atau dengan erti kata lain, elakkan pertindihan dalam skop yang di ajar.
14. Kursus persempadanan maritim ini memberikan pendedahan berkaitan dengan aktiviti maritim di Malaysia dan memberikan pengalaman baru bagi pegawai-pegawai yang tidak terlibat dengan aktiviti maritim. Secara tidak langsung kursus ini mewujudkan kesedaran tentang pentingnya mempertahankan kewujudan pulau-pulau kecil di seluruh Malaysia yang akan memberikan manfaat pada generasi akan datang.
15. Slot perbincangan berkaitan dengan isu-isu persempadanan maritim yang disampaikan oleh en. Helmy dari pegawai MKN perlu ditambah lagi masa dari 2 jam kepada 4 jam untuk mengupas isu-isu yang berlaku di Malaysia bagi isu sempadan negara dan sempadan negeri.
16. Sesi lawatan ke APMM boleh diteruskan pada masa akan datang memandangkan peluang & pendedahan secara pratikal bukan mudah untuk diperolehi melainkan dengan kerjasama erat di antara INSTUN (Pusat Latihan) dengan agensi penguatkuasa undang-undang di Malaysia. Pengalaman yang diperolehi cukup bermakna dan memberikan satu gambaran yang jelas tentang peranan JUPEM sebagai pembekal data kepada agensi penguatkuasaan dalam menjalankan tugas rasmi masing-masing.
17. dicadangkan supaya dapat ditunjuk/tayang video semasa kerja-kerja membuat pengukuran sempadan yang telah dilakukan di lapangan supaya peserta kursus dapat didedahkan bagaimana proses/gerak kerja pengukuran sempadan maritim dilakukan. Ini dicadangkan oleh kerana untuk membawa peserta kursus ke tempat lapangan adalah memerlukan masa dan kos yang tinggi serta agak berisiko.
18. dicadangkan supaya dapat ditunjuk/tayang video semasa kerja-kerja membuat pengukuran sempadan yang telah dilakukan di lapangan supaya peserta kursus dapat didedahkan bagaimana proses/gerak kerja pengukuran sempadan maritim dilakukan. Ini dicadangkan oleh kerana untuk membawa peserta kursus ke tempat lapangan adalah memerlukan masa dan kos yang tinggi serta agak berisiko.
19. Kursus ini menarik perhatian peserta kursus terutama aspek perundangan mengenai isu-isu semasa petikaian sempadan maritim antarabangsa.